

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPS 411 – SISTEM PENGAJARAN SEKOLAH RENDAH**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. Jawab SOALAN NO. 1 dan DUA soalan lain.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

1. Perubahan tingkahlaku murid-murid sekolah rendah berlaku akibat daripada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

(a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan hasil pembelajaran.  
(10 markah)

(b) Huraikan komponen-komponen penting dalam Model Glaser (1962) bagi membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

(30 markah)

2. Dalam konteks pengajaran sekolah rendah, strategi merujuk kepada kebijaksanaan guru memilih satu-satu pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

Bandingkan LIMA (5) ciri strategi pemusatan murid dan strategi pemusatan guru yang ditekankan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

(30 markah)

3. Simulasi boleh digunakan untuk membina pemikiran kritis murid sekolah rendah bagi mengaitkan isi pelajaran dengan objektif pembelajaran dan memahami bidang pengetahuan.

Huraikan TIGA peringkat utama dalam proses pelaksanaan simulasi.

(30 markah)

4. Chris Kyriacou (1988) mencadangkan satu senarai semak yang boleh digunakan oleh guru sekolah rendah untuk refleksi atau penilaian sendiri tentang pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah.

Huraikan senarai semak refleksi atau penilaian sendiri seperti yang dicadangkan oleh Chris Kyriacou (1988).

(30 markah)